

## **Dimensi Penghayatan Agama Mengikut Pendapat Tokoh Agama Semasa**

ZAINAB ISMAIL  
WAN IBRAHIM WAN AHMAD  
NOR SALIMAH ABU MANSOR

### **Abstrak**

*Agama, atau penghayatan agama khususnya, telah mendapat perhatian yang sedikit daripada sarjana sains sosial. Hal ini kerana, antara lain, sesetengah konsep dalam agama adalah sukar untuk diukur. Tujuan artikel ini ialah untuk mengkaji dimensi penghayatan agama sebagaimana yang difahami oleh sarjana Muslim. Untuk mencapai hasrat ini, lima orang tokoh agama dari Malaysia dan seorang tokoh agama dari Mesir dipilih secara bertujuan sebagai informan utama. Data yg diperoleh dianalisis menggunakan analisis deskriptif. Semua informan utama bersetuju bahawa dimensi akidah, syariah dan akhlak adalah dimensi penghayatan Islam yang utama.*

**Kata kunci:** Agama, penghayatan agama, dimensi penghayatan agama.

### **Abstract**

*Religion or religiosity in particular, has received less attention by competent social scientists. This is because, among other things, certain concepts in religion are difficult to define. The aim of this article is to examine the dimension of religiosity as understood by Islamic scholars. To achieve this objective, five Islamic scholars from Malaysia and one Islamic scholar from Egypt were selected through purposive sampling as key informants. Data obtained were analysed using descriptive analysis. All key informants agreed that dimension of aqidah, syariah and akhlak are the core dimension of Islamic religiosity.*

**Keywords:** Religion, religiosity, dimension of religiosity.

### **Pendahuluan**

Penghayatan agama ialah satu konsep yang menarik dan diwacanakan dalam dunia akademik sejak lama. Nama-nama seperti Syed Muhammad Naguib al-

Attas, Wan Salim Wan Muhamad Nor, Mahmood Zuhdi, Chandra Muzaffar, Zakaria Stapa, Muhammad Nur Manuty, Siddiq Fadzil dan Mohamad Abu Bakar—sekadar beberapa nama—merupakan antara tokoh yang membincangkan konsep ini dari perspektif masing-masing di Malaysia. Akan tetapi perbincangan tersebut lebih bersifat konseptual dan teoretikal yang disorot melalui sumber-sumber al-Quran, hadis, pendapat para ulama terdahulu dan realiti sejarah. Tidak ada usaha sebelum ini oleh tokoh-tokoh ini yang cuba untuk mendefinisikan konsep ini secara operasional yang boleh digunakan oleh pengkaji lain berikutnya untuk mengukur dan membezakan tahap penghayatan agama antara pelbagai kategori penduduk. Pengoperasionalan dan pengukuran konsep penting ini perlu dilakukan. Nor Salimah Abu Mansor (dlm. proses) cuba menawarkan satu pendekatan baharu dalam menganalisis dan mengukur konsep ini bagi menjelaskan perbezaan tahap penghayatan agama penduduk orang kurang upaya di Terengganu. Memandangkan konsep ini penting, usaha untuk memahami definisi dan pengukurannya mendesak, maka makalah ini berusaha mendapat pandangan tokoh agama tentang dimensi utama yang terkandung dalam konsep ini supaya boleh diterima guna oleh penyelidik lain untuk mengukur konsep ini secara menyeluruh. Tujuan makalah ini adalah untuk memperihalkan dimensi penghayatan agama seperti yang difahami oleh tokoh agama yang penting di Malaysia. Sebelum membincangkan persoalan pokok, perbincangan makalah ini diawali dengan perbincangan tentang persoalan berkaitan pengukuran konsep ini yang dilakukan oleh penyelidik luar negara, perkembangan penghayatan agama Islam di Malaysia, sebelum dibincangkan aspek metodologi dan hasil kajian dalam bahagian akhir makalah.

### **Persoalan Pengukuran Konsep Penghayatan Agama**

Ahli gerontologi mengukur tahap penghayatan agama melalui pendekatan secara langsung dan secara tidak langsung. Pendekatan secara langsung ialah berasaskan penilaian subjektif, iaitu dengan cara meminta warga tua menilai secara langsung tahap penghayatan agama mereka. Untuk mengukur tahap penghayatan warga tua ditanyakan satu soalan, iaitu *bagaimana tuan/puan menilai tahap penghayatan/tahap kepatuhan tuan/puan kepada agama akhir-akhir ini? Sila tuan/puan nyatakan sama ada: (1) tidak kuat; (2) kurang kuat; (3) kuat; dan (4) amat kuat*. Pendekatan secara tidak langsung pula memerlukan penyelidik membina skala pengukuran tertentu. Skala pengukuran ini dibentuk berasaskan pelbagai dimensi yang mewakili konsep penghayatan agama. Skala ini boleh berbentuk satu item dan dapat juga berbentuk pelbagai item. Jika skala yang dibentuk hanya mengambil kira satu dimensi dan ditulis menggunakan satu pernyataan, maka skala itu disebut skala satu item, sebaliknya jika skala yang dibentuk mengandungi pelbagai dimensi, maka skala tersebut dikenali sebagai skala pelbagai item (Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail, 2010). Beberapa dekad yang lalu,

penyelidik luar negara mengukur konsep penghayatan agama ini menggunakan skala satu dimensi, iaitu dengan mengambil kira penyertaan warga tua dalam organisasi formal keagamaan (Ohrbach, 1961; Bahr, 1970; Schaie & Willis, 1986; Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail, 2010). Dalam konteks ini, tahap penghayatan agama selalunya diukur berasaskan kekerapan menghadiri sebarang perkhidmatan di gereja. Semakin tinggi kekerapan penyertaan ini akan semakin tinggi tahap penghayatan agama mereka. Sehubungan itulah banyak kajian tentang penghayatan agama di luar negara merumuskan tahap penghayatan agama ini berkurangan apabila semakin meningkatnya umur dan berupa satu keluk yang berbentuk loceng apabila tahap penghayatan agama yang paling rendah dijumpai pada umur 30 hingga awal 40-an tahun. Keluk ini meningkat dan mencapai kemuncaknya bagi individu berumur 50 hingga akhir 60-an.

Akhir-akhir ini semakin disedari pengukuran konsep ini menggunakan satu dimensi yang mempunyai banyak kekurangan (Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail, 2010) kerana konsep ini memiliki pelbagai dimensi. Ainlay dan Smith (1984) mengetengahkan tiga dimensi yang perlu menjadi fokus penyelidik dalam mengukur penghayatan agama individu, iaitu (1) penyertaan dalam aktiviti formal keagamaan, (2) dimensi sikap, sama ada individu berasa penyertaan mereka ke dalam aktiviti agama penting atau sebaliknya dan (3) dimensi penyertaan keagamaan individu dalam apa juga aktiviti keagamaan tidak formal, seperti membaca kitab suci, mendengar siaran agama di radio atau televisyen dan seumpamanya. Hoooyman dan Kiyak (1988) juga menyatakan perilaku keagamaan boleh diselidiki melalui tiga asas, iaitu (1) penyertaan dalam organisasi keagamaan, (2) makna personel agama dan aktiviti keagamaan dalam lingkungan rumah tangga dan (3) sumbangan agama kepada *adjustment* warga tua dalam menghadapi proses penuaan dan kematian.

William (1994) menyatakan perlunya melihat agama dalam konteks sokongan sosial, simbol dan ritual, iklim organisasi institusi agama, *architecture* gereja dan domain subjektif agama (termasuk motivasi, *tolerance of ambiguity* dan kesejahteraan spiritual). Bagi ahli sosiologi agama, pengukuran konsep ini selalunya diukur menggunakan lima dimensi yang disebut lima dimensi penghayatan agama (5-D *religiousity*), iaitu (1) ritual (perkara yang warga tua lakukan dalam beragama, seperti sembahyang, kekerapan ke gereja dan seumpamanya), (2) ideologi (kepercayaan), (3) intelek (pengetahuan agama), (4) *experiential* dan (5) *consequential*, iaitu kesan empat dimensi di atas dalam kehidupan harian (Glock, 1962; Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail, 2010).

Pengukuran tahap penghayatan agama yang menggunakan pelbagai dimensi ini adalah lebih menyeluruh, dengan bertambahnya umur tidak semestinya membawa kepada penurunan tahap penghayatan agama. Seperti yang ditunjukkan oleh Wan Ibrahim Wan Ahmad dan Zainab Ismail (2010),

warga tua mungkin kurang menghadiri sebarang aktiviti keagamaan dalam organisasi formal, akan tetapi mereka tidak semestinya menarik diri juga daripada pelbagai aktiviti keagamaan yang berbentuk tidak formal. Warga tua kurang menghadiri kegiatan keagamaan di masjid atau surau ialah akibat tahap kesihatan fizikal mereka yang semakin berkurangan. Berasaskan kajiannya Ainlay dan Smith (1984) merumuskan keinginan individu untuk berpartisipasi dalam kehidupan keagamaan tetapi tidak berubah sepanjang kehidupan masa tua. Sebelum itupun, Mindel dan Vaughan (1978) menyatakan terdapat bukti secara objektif warga tua didapati menarik diri daripada aktiviti organisasi formal, namun secara subjektif warga tua tetap berpartisipasi dalam kegiatan ini. Warga tua didapati terus aktif dalam aktiviti keagamaan melalui aktiviti peribadi dalam organisasi agama tidak formal.

Dari segi bahasa, penghayatan berasal daripada perkataan Arab iaitu *hayat* yang bererti hidup. Penghayatan boleh diertikan sebagai perihal menghayati, mengalami dan merasai dalam batin. Oleh itu, seseorang yang menghayati agama akan menjadikan agama itu 'hidup' di dalam dan luar dirinya. Hal ini kerana sesuatu itu dianggap hidup berdasarkan kewujudan roh dan tenaganya. Tanpa roh dan tenaga segala pergerakan terhenti dan sesuatu itu menjadi kaku, beku dan mati (Wan Salim Wan Muhamad Nor, 1989). Perkataan agama pula berasal daripada perkataan Sanskrit, 'a' bermakna tidak dan 'gama' bermakna kacau. Apabila digabungkan 'a' dan 'gama' menjadi agama, memberi erti peraturan atau tidak kacau. Sesuai dengan pengertian ini, orang yang beragama dikaitkan sebagai manusia yang memiliki ketenangan zahir dan batin (Ibrahim Lubis, 1982). Pandangan ini selari dengan pandangan yang menyatakan agama merupakan inti pati kepada fikiran dan pengetahuan yang berperanan sebagai pemangkin kepada segala gerak dan tingkah laku yang suci (Ibrahim Lubis, 1982). Ini bererti agama ialah satu sistem yang berdimensi banyak (Djamaludin Ancok & Fuat Nashori Suroso, 2005).

Oleh itu, apakah yang dimaksudkan dengan penghayatan agama? Penghayatan agama dimanifestasikan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Seseorang itu dikatakan menghayati agama apabila ia melakukan hal-hal berkaitan ibadah. Ia juga boleh dikatakan menghayati agama apabila melakukan aktiviti lain yang didorong oleh kekuatan *supranatural*. Djamaludin Ancok dan Fuat Nashori Suroso (2005) menterjemahkan penghayatan agama dengan istilah 'keberagamaan' atau 'religiusitas (*religiosity*)'. Kedua-dua mereka berpendapat penghayatan agama ialah "bukan hanya yang berkaitan aktivitas yang tampak dan dapat dilihat mata, tapi juga aktivitas yang tak tampak dan terjadi dalam hati seseorang. Kerana itu, keberagamaan seseorang akan meliputi berbagai-bagai macam sisi atau dimensi".

Menurut al-Baalbaki (1982) dan Lane (1863), penghayatan agama ialah perihal beragama atau patuh kepada agama (*tadayyun*), bertakwa dan warak.

Ini berarti seseorang boleh dianggap beragama (*al-mutadayyin*) jika tutur kata dan tingkah lakunya digerak dan dikawal oleh penghayatannya terhadap agama. Menurut al-Qaradawi (1988), agama atau *ad-din* merupakan sesuatu yang dirasakan oleh manusia sebagai keperluan atau desakan dalaman melalui seruan batin yang semula jadi untuk mengakui bahawa mereka dan alam di sekeliling mempunyai tuhan yang maha agung. Perkara ini merupakan suatu perasaan sejati dalam lubuk hati mereka yang menghala kepada-Nya dengan penuh penghormatan, harapan, takut dan berserah serta memohon pertolongan daripada-Nya. Pandangan al-Qaradawi (1988) ini menunjukkan penghayatan agama ialah perihal menghayati agama dalam ertikata melaksanakan amalan agama dengan seluruh cakupan dan dimensinya sehingga dapat dirasa dan meresap ke dalam jiwa. Oleh itu, sesiapa yang memenuhi seruan batinnya untuk hidup beragama, jiwa dan batinnya akan memperoleh ketenangan seperti firman Allah SWT dalam al-Quran, yang bermaksud:

“Maka hadapkanlah dirimu (wahai Muhammad dan pengikut-pengikutmu) ke arah *al-din* yang lurus (jauh dari kesesatan); (turutlah terus) agama Allah-iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia daripada semula jadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu (iaitu janganlah mengubah agama Allah yang berdasarkan tauhid kepada sebarang perbuatan syirik), itulah *ad-din* yang betul dan lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.”

(*Surah al-Rum* 30: 30)

Dalam konteks ini, Mahmood Zuhdi (2006) menyatakan keagamaan ialah keislaman manakala Abdul Rahman Ahmad al-Pattani (2005) dalam temu bual bersamanya menyatakan bahawa penghayatan agama orang alim dengan orang awam adalah berbeza daripada kualitinya; iaitu berdasarkan latar belakang ilmu mereka. Mahmud Syaltut (1966) pula membezakan tahap penghayatan agama kepada tiga iaitu penghayatan sebenar (*al-iman bi hidayah al-sama*), penghayatan agama secara isyarat atau simbolik (*al-tadayyun al-ramzi*) dan penghayatan agama sempit (*al-tadayyun al-suari*). Tahap penghayatan agama sekadar nama (*al-tadayyun al-ramzi*) turut dibincangkan oleh al-Qaradawi (1984) dengan merujuk kepada jenis manusia yang memekakkan telinga dan membutakan mata daripada melihat kebenaran syariat Allah. Mereka mengamalkan Islam yang serasi dengan kehendak mereka tanpa membebaskan diri daripada pengaruh sekularisme. Pada tahap ini, mereka sebenarnya tidak menghayati agama malah merosakkan konsep itu dengan *kalimah khabithah* iaitu keyakinan, fahaman dan aliran yang bertentangan dengan manhaj Allah (Zainab al-Ghazali, 1989).

Mahmud Syaltut (1966) pernah menggesa para ulama dan sarjana Islam berusaha membersihkan umat Islam daripada pelbagai cara dan corak penghayatan agama yang dangkal dan dusta agar kembali menghayati isi kandungan al-Quran sebagai sumber penghayatan. Oleh yang demikian, peringkat kemuncak penghayatan agama bagi kebanyakan muslim ialah menjadi orang salih yang faham dan menjiwai prinsip ajaran Islam, taat beramal dengan segala perintah syarak kerana Allah SWT dari segi suruhan atau larangan, malah komited melaksanakan Islam berdasarkan kemampuan dalam lingkungan pengaruhnya (Mustafa Masyhur, 1995; Ahmad 'Umar Hasyim, 2006; Siddiq Fadzil, 2006; Muhammad Nur Manuty, 2006; Abdul Halim Abdul Kadir, 2006, Abdul Rahman Ahmad al-Pattani, 2005). Ringkasnya, dapat dikatakan penghayatan agama ialah satu fenomena yang muncul dalam diri seseorang individu yang menghayati agama atau menganut agama sebagai satu cara hidup. Dengan kata lain, individu yang menghayati agama Islam akan melakukan dua jenis ibadah iaitu ibadah khusus dan ibadah umum secara sepadu. Ibadah khusus yang dimaksudkan di sini ialah ibadah yang menghubungkan antara manusia dengan penciptanya manakala ibadah umum ialah ibadah yang menghubungkan antara manusia dengan manusia dan alam persekitaran.

Penghayatan agama yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah penghayatan agama Islam. Penghayatan Islam ialah suatu proses pelaksanaan amalan ajaran agama Islam yang dilakukan secara sedar. Dalam hal ini, al-Banna (1987) membahagikan tahap penghayatan agama seseorang muslim kepada tiga iaitu tahap penghayatan agama muslim yang berdosa, tahap penghayatan agama muslim yang enggan berjihad dan yang tahap penghayatan agama muslim yang berjihad. Zainab al-Ghazali (1989) menyatakan Islam mesti dihayati sebagai *din* dan *daulah*, tabiat dan usul akidah. Ini bererti seseorang yang terbatas kepada amalan agama secara individu sahaja tanpa memiliki kesedaran, mendukung cita-cita dan usaha menegakkan Islam dalam seluruh aspek sekalipun berada di luar lingkungan pengaruhnya, belum mencapai tahap penghayatan yang paling tinggi dan sempurna dari segi pengakuan (*syahadah*) sebagai seorang Islam.

Berdasarkan kajian Jamiah Manap (2004), terdapat tujuh prinsip pengukuran penghayatan agama iaitu (1) pengukuran dan penilaian penghayatan agama individu atau kelompok berasaskan aspek zahir sahaja, (2) pengukuran penghayatan agama boleh dibuat, namun penilaian yang sebenar dan pengukuran yang paling tepat tentang individu atau kelompok di sisi Allah SWT, (3) pengukuran penghayatan agama berasaskan manifestasi Iman, Islam dan Ihsan, (4) iman perlu dibuktikan dengan amalan, (5) penghayatan syariat Islam yang sempurna melahirkan akhlak yang mulia, (6) simbol yang mempunyai perkaitan dengan penghayatan agama tidak semestinya mempunyai interpretasi (tahap penghayatan agama) yang sama bagi individu yang berbeza dan (7) standard piawaian pengukuran penghayatan agama menurut perspektif

Islam ialah al-Quran dan al-Sunnah. Secara asasnya, pengukuran penghayatan agama dibenarkan dalam Islam atas tujuan penilaian (*muhasabah*) diri dari segi tahap keberagamaan untuk pembaikan dan peningkatan bagi membentuk diri, individu dan kelompok menjadi insan kamil, yang sempurna aspek ukhrawi dan duniawi dengan keseimbangan segala unsur yang ada padanya iaitu spiritual, akal, emosi dan fizikal. Ini bererti penghayatan agama Islam mempunyai perkaitan dengan pembinaan personaliti muslim. Personaliti muslim yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah personaliti yang tunduk patuh kepada perintah Allah SWT dan meninggalkan segala yang dilarang.

Muhammad Nur Manuty (2006) menyatakan Islam mengkonsepsikan penghayatan agama secara menyeluruh, tidak memisahkan keyakinan dan amalan beragama dengan urusan-urusan lain yang bersifat duniawi. Justeru, pembinaan peribadi umat Islam perlu dilaksanakan merangkumi semua dimensi iaitu dimensi akidah dan syariah, akhlak dan politik, ibadah dan undang-undang, serta berjihad di jalan Allah (al-Banna, 1992). Keimanan kepada Allah SWT mesti mencakupi keimanan kepada segala hidayah dan petunjuk-Nya (Mahmud Syaltut, 1966). Zakaria Stapa (dlm. Jamiah Manap, 2004) menyatakan “ruang lingkup penghayatan agama ialah keseluruhan kehidupan kerana tiada ruang yang dikosongkan oleh nilai Islam, bermula daripada bangun pagi hingga tidur semula malah waktu tidur turut tidak terkecuali dari aspek nilai Islam”. Islam dihayati berdasarkan tiga bahagian utama iaitu akidah sebagai pegangan hidup, syariah sebagai amalan hidup dan akhlak sebagai etika hidup (Mahmood Zuhdi, 2006).

Dalam hal ini, al-Qaradawi (1984) menyatakan akidah berpengaruh dalam pelaksanaan ibadah, akidah dan ibadah berpengaruh dalam pembentukan akhlak, manakala akhlak pula berpengaruh dalam pemeliharaan dan pelaksanaan syariah dan syariah pula bertindak menjaga kedaulatan negara dan maruahnya. Mohd Nakhaie Ahmad (1998) dan Abdul Halim Abdul Kadir (2006) dalam temu bual bersamanya menyatakan Islam yang dihayati merangkumi keseluruhan peringkat iaitu keyakinan hati, pengakuan lisan dan amalan dengan anggota. Penghayatan pada peringkat penerimaan lisan atau keyakinan hati sahaja tanpa amal, tidak memadai. Zainab al-Ghazali (1989) ketika menghuraikan pengajaran daripada hadis Jibril, memetik pandangan Ibn Taimiyyah tentang peringkat penghayatan agama iaitu “Nyatalah kepada kita bahawa beragama itu mengumpul tiga peringkat; muslim, kemudian mukmin, kemudian muhsin”. Menurut beliau lagi, gabungan Iman, Islam dan Ihsan ialah contoh bagi jiwa beragama.

Glock dan Stark (dlm. Djamaludin Ancok dan Fuat Nashori Suroso, 2005) menyatakan “agama ialah sistem simbol, sistem keyakinan, sistem nilai dan sistem perilaku yang terlembagakan, yang semuanya itu berpusat pada



persoalan yang dihayati sebagai yang paling maknawi (*ultimate meaning*)". Glock dan Stark mengemukakan lima dimensi penghayatan agama iaitu (1) dimensi keyakinan (ideologis), (2) dimensi peribadatan atau praktek agama (ritualistik), (3) dimensi penghayatan (eksperiensial), (4) dimensi pengamalan (konsekuensial) dan (5) dimensi pengetahuan agama (intelektual). Djamaludin Ancok dan Fuat Nashori Suroso sendiri mempunyai pandangan berbeza dengan Glock dan Stark. Hasil kajian mereka tentang penghayatan agama dari perspektif Islam menemui tiga dimensi utama yang relevan dengan isi kandungan al-Quran dan al-Sunnah, iaitu dimensi akidah, dimensi syariah dan dimensi akhlak.

### **Perkembangan Penghayatan Agama Islam di Malaysia**

Tanda-tanda awal Islam datang ke Malaysia adalah pada abad ke-9 Masihi, bermula di Kedah, kemudian diikuti oleh Kelantan dalam abad ke-12 Masihi, Terengganu dalam abad ke-14 Masihi dan Melaka pada abad ke-15 Masihi. Sejarah mencatatkan dalam tahun 1963, sebuah batu nisan tertua, yang terukir di atasnya dengan huruf Arab, nama dan tarikh Syeikh Abdul Kadir Ibn. Syeikh Husin Syah Alam, tahun 291 Hijrah iaitu bersamaan tahun 881 Masihi, dijumpai di Kedah (Zainab Ismail, 1990). Pada tahun 1914, satu dinar emas yang menandakan Islam sampai ke Malaysia pada pertengahan kedua abad ke-12 Masihi ditemui di Kelantan dan pada tahun 1899M, sebuah batu bersurat yang menandakan Islam sampai ke Malaysia pada abad ke-14 Masihi ditemui di Kuala Berang, Terengganu (Zainab Ismail, 1990).

Mengikut sejarah, agama Islam mula tersebar secara pesat pada abad ke-15 Masihi iaitu apabila Parameswara, pengasas kerajaan Melaka memeluk Islam dan menukar namanya kepada Megat Iskandar Syah pada tahun 1414 Masihi. Pengislaman Parameswara ini menarik pembesar-pembesar istana dan rakyat Melaka untuk turut memeluk agama Islam (Rauf, 1987 & Zainab Ismail, 1990). Bermula dari tarikh tersebut, Melaka bukan sahaja menjadi pusat pengajian Islam di Malaysia, tetapi juga berfungsi sebagai pusat penyebaran agama Islam dan pusat perkembangan penghayatan agama Islam di Malaysia. Perkembangan penghayatan agama Islam di Malaysia ini merubah pandangan hidup masyarakat Melayu daripada alam seni dan mitos yang khayal kepada pandangan hidup rasional dan intelek. Menurut Syed Muhammad Naguib al-Attas (1984) "...kedatangan Islam di Kepulauan Melayu Indonesia harus kita lihat sebagai mendirikan zaman baru dalam persejarahannya, sebagai semboyan tegas membawa rasionalisma dan pengetahuan akliah serta menegaskan suatu sistem masyarakat yang berdasarkan kebebasan orang perseorangan, keadilan dan kemuliaan keperibadian insan. Tuntutan budi dan akal tentang hal-hal agama, keagamaan dan kemurnian batin serta ilmu tentangnya, tersebar luas mendalam laksana akar beringin merangkum bumi."



Jelasnya, penghayatan agama Islam berupaya membawa revolusi besar terhadap pandangan hidup atau *weltsanschauung* seseorang muslim. Namun, dalam awal abad ke-20 Masihi, perkembangan penghayatan agama Islam di Malaysia mengalami gangguan akibat daripada penjajahan Belanda, Portugis, Jepun dan British. Pada tahun 1970-an, umat Islam di Malaysia dan seluruh dunia didapati mula bangkit semula ke arah penghayatan Islam secara syumul. Menurut Chandra Muzaffar (1988), Islam yang diberi pengiktirafan taraf utama dalam evolusi kenegaraan Malaysia sejak kemerdekaan 1957 dilayani sebagai agama rasmi dalam kebanyakan acara dan tanggungjawab rasmi seperti doa dalam majlis, pembinaan masjid oleh kerajaan, tilawah al-Quran, pengendalian urusan haji dan kewajipan lain kerajaan terhadap Islam. Penghayatan agama pula merupakan sesuatu yang tercetus bukan sebagai lanjutan daripada acara rasmi tersebut, malah merupakan buah yang terhasil daripada fenomena kebangkitan semula Islam sekitar tahun 1970-an. Masyarakat Islam di negara ini mula mempunyai kesedaran dan kecenderungan untuk mempelajari, memahami dan seterusnya menghayati Islam sebagai suatu cara hidup yang menyeluruh, yang tidak tertumpu kepada amalan ritual sahaja.

Kesan arus kebangkitan Islam, Chandra Muzaffar (1988) menyenaraikan beberapa tanda penghayatan agama Islam yang ketara dan tidak begitu ketara. Antara tanda yang ketara ialah cara berpakaian wanita dan lelaki Islam di bandar termasuk menyimpan janggut dianggap sebagai menghayati pakaian dan imej Islam. Selain itu cara dan batas pergaulan, ucap selamat secara Islam (memberi dan menjawab salam), penggunaan ungkapan Arab, peraturan makanan secara Islam dari segi halal haram bahan atau kandungan makanan dan cara sembelihan, cara bersukan, seni dan hiburan yang dibentuk berasaskan nilai Islam dianggap sebagai tanda yang ketara kesan daripada kebangkitan Islam. Tanda yang tidak begitu ketara ialah kebanyakan golongan muda muslim yang berusia antara 20-an dan 30-an didapati tekun menghayati agama seperti menunaikan solat fardu, berpuasa pada bulan Ramadan, membayar zakat dan mengerjakan haji. Menurut Ahmad F. Yousif (2004), suasana ini mempengaruhi peningkatan kesedaran Islam dalam kalangan mereka untuk menekuni semula Islam dalam erti kata menghayati agama dan berusaha menghapuskan amalan atau cara tertentu dalam hidup yang bertentangan dengan Islam.

Dalam hal ini, Mohamad Abu Bakar (2005) menyatakan pada tahun 70-an dan 80-an, Islam ditonjolkan sebagai cara hidup secara lengkap meliputi semua aspek termasuk negara ekonomi, negara dan politik, tanpa terpisah hingga membangkitkan semangat keislaman dalam kalangan masyarakat Islam yang menghayati agama di Malaysia. Arus kebangkitan Islam ini turut memberi kesan kepada pucuk pimpinan UMNO yang memerintah Malaysia untuk menitikberatkan Islam sebagai agenda penting di dalam negara khususnya kepada masyarakat Melayu Islam hingga akhirnya mereka terdorong menghayati Islam sebagai satu cara hidup (Chandra Muzaffar, 1988).

Ringkasnya dapat dikatakan penghayatan agama Islam ialah satu proses pelaksanaan ajaran Islam dalam seluruh kehidupan manusia yang merangkumi hubungan antara manusia dengan tuhan serta hubungan manusia dengan manusia dan alam persekitaran. Menurut Mohamad Abu Bakar (2005), “Semenjak kemunculannya di alam Melayu, Islam berfungsi sebagai satu budaya yang meresapi setiap segi kehidupan orang Melayu dan sekali gus memperlihatkan kecenderungan dan potensi untuk wujud sebagai satu peradaban. Namun, dalam perjalanannya selama lebih 700 tahun, Islam sebagai budaya dominan di Malaysia belum berjaya melangkaui kerangka lamanya, sekalipun begitu berpotensi bertindak sedemikian”.

Fenomena penghayatan agama Islam yang tidak menyeluruh ini juga berlaku di negara umat Islam yang lain. Menurut al-Ghazali (1991), “lingkungan penghayatan agama di seluruh dunia Islam bersifat kaku dan beku disebabkan oleh sikap umat Islam” serta “persekitaran umat Islam ternyata berbeza dengan roh al-Quran al-Karim yang penuh dengan suasana positif dan memberangsangkan”. Oleh itu, dapat diandaikan penghayatan Islam dalam diri seseorang bergantung kepada sikap dan kesedaran sendiri. Sikap dan kesedaran sendiri ini pula mempunyai perkaitan dengan ilmu, iman dan amal mereka.

### **Metodologi Kajian**

#### **Reka Bentuk**

Kajian ini berhasrat untuk mengkaji dimensi penghayatan agama berasaskan pandangan beberapa orang tokoh agama. Aspek penghayatan agama merupakan satu spektrum yang sukar diukur. Untuk mengkaji aspek, kajian ini dilaksanakan secara empirikal melalui temu bual mendalam terhadap beberapa orang tokoh agama. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Rekabentuk kajian yang dipilih ialah kajian kes. Bagi memperoleh data tentang dimensi penghayatan agama, kajian ini secara *purposive* memilih lima orang tokoh Islam dari Malaysia dan seorang tokoh Islam dari Mesir sebagai informan utama untuk ditemu bual secara mendalam.

#### **Peserta Kajian**

Lima orang tokoh Islam dari Malaysia dan seorang tokoh Islam Mesir dipilih sebagai peserta atau informan kajian. Tokoh Islam Malaysia ialah Siddiq Fadzil, Muhammad Nur Manuty, Abdul Halim Abdul Kadir, Abdul Rahman Ahmad al-Pattani dan Zakaria Stapa, manakala seorang tokoh Islam Mesir ialah Ahmad 'Umar Hasyim. Mereka dipilih berdasarkan latar belakang

akademik, peranan dan sumbangan dalam bidang ilmu, kefahaman, pemikiran, amalan dan pelaksanaan Islam. Kesemua data yang diperoleh daripada mereka dianalisis secara deskriptif. Bilangan enam orang peserta kajian adalah kecil dalam penyelidikan kuantitatif, tetapi dalam penyelidikan kualitatif, bilangan sampel tidak semestinya besar. Ini disebabkan bilangan peserta dalam penyelidikan kualitatif ditentukan oleh ketepuan data analisis.

### Strategi Analisis Data

Data yang diperoleh melalui perbincangan temu bual mendalam diurus terlebih dahulu melalui proses transkripsi *verbatim* sebelum dimasukkan ke dalam perisian komputer NVivo. Setelah itu data dianalisis menggunakan pendekatan analisis deskriptif. Untuk menentukan kesahan data yang dikumpul, kajian ini menggunakan kaedah *peer checking*. Dua orang pakar dipilih untuk menyemak dan memberi persetujuan terhadap unit analisis yang didokumenkan sebagai tema yang timbul daripada temu bual dengan informan utama.

### Hasil Kajian dan Perbincangan

Hasil temu bual dengan Ahmad 'Umar Hasyim (2006), Siddiq Fadzil (2006), Muhammad Nur Manuty (2006), Abdul Halim Abdul Kadir (2006), Zakaria Stapa (2006) dan Abdul Rahman Ahmad al-Pattani (2005) dirumuskan tiga dimensi utama penghayatan agama, iaitu akidah, syariah dan akhlak. Ketiga-tiga dimensi ini mempunyai perkaitan dan tidak boleh dipisahkan.

### Dimensi Akidah

Kesemua informan utama bersetuju akidah merupakan satu dimensi penghayatan agama yang penting. Mereka berpendapat dimensi akidah ialah satu dimensi yang mempunyai perkaitan dengan keyakinan seseorang dengan perkara yang ghaib seperti kewujudan Allah SWT, malaikat-malaikat, rasul-rasul, kitab-kitab, hari kiamat serta qada' dan qadar Allah seperti yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran, yang bermaksud:

“(Orang-orang yang bertakwa) iaitu mereka yang beriman dengan perkara ghaib, yang mendirikan solat dan menafkahkan (ke jalan Allah) sebahagian rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka, dan mereka yang beriman dengan kitab yang telah diturunkan kepada engkau (wahai Muhammad) dan dengan kitab-kitab yang diturunkan sebelum engkau, serta mereka yakin dengan adanya (kehidupan) di akhirat. Mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk daripada tuhan

mereka, dan mereka itulah orang-orang yang beruntung (beroleh kemenangan)”.  
 (Surah al-Baqarah 2: 3–5)

Informan utama mengatakan Allah SWT menunjukkan dimensi akidah berupaya merangsang hati seseorang untuk berasa gementar, bertambah keyakinan dan keimanan, berserah kepada Allah SWT, mendirikan solat dan suka bersedekah (jariah) apabila disebut nama dan sifat Allah serta dibacakan ayat-Nya melalui firman Allah dalam al-Quran, yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifat-Nya) gementarlah hati mereka, dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman dan kepada tuhan mereka jualah mereka berserah; iaitu orang-orang yang mendirikan solat dan mendermakan sebahagian daripada apa yang Kami kurniakan kepada mereka. Merekalah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka akan mendapat pangkat-pangkat yang tinggi di sisi tuhan mereka dan keampunan serta limpahan kurnia yang mulia (di syurga)”.

(Surah al-Anfal 8: 1–11)

Selain itu Allah SWT juga menyatakan dalam al-Quran, dalam ayat yang bermaksud:

“Sesiapa yang beramal salih, sama ada lelaki atau perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik, dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka dengan memberi pahala yang lebih daripada apa yang telah mereka kerjakan”.

(Surah al-Nahl 16: 97)

Muhammad Nur Manuty (2006) menekankan penerimaan tauhid dengan seluruh dimensinya, iaitu *Rububiyyat*, *Uluhiyyat* dan *Sifatiyyat* (*al-Asma' wa al-Sifat*) lalu diterjemahkan dalam kehidupan beragama, melahirkan muslim dan mukmin yang dapat menghayati agama dengan rasa *'Ubudiyyat* (kehambaan) yang penuh ikhlas kepada Allah SWT. Kesempurnaan menghayati dimensi tauhid menjadi pendorong kepada kesempurnaan menghayati dimensi-dimensi lain sebagai suatu iltizam kepada manhaj Allah SWT (Zainab al-Ghazali, 1989). Dimensi tauhid menjana keyakinan bahawa Allah SWT menyampaikan petunjuk kepada manusia melalui rasul-Nya, yang memandu ke arah keredaan-Nya dengan jaminan kebaikan dan kebahagiaan (Mahmud Syaltut, 1966).

Dalam hal dimensi akidah ini, Qutb (1983) menyatakan “Islam ialah suatu sistem kehidupan manusia yang sesuai dengan fitrah manusia yang dapat direalisasikan dalam semua aspek kehidupan. Sistem ini merangkumi konsep kepercayaan (iktikad) yang dapat menghuraikan hakikat kewujudan dan menentukan kedudukan insan dalam kewujudan ini serta menentukan matlamat kewujudannya sebagai seorang insan”. Pandangan Qutb (1983) ini menunjukkan segala cabang sistem yang dipraktikkan dalam kehidupan manusia mesti bersumber dan bersandarkan kepada dimensi akidah. Seseorang yang menghayati agama berupaya memanifestasikan paradigma tauhidnya dalam keseluruhan hidupnya sama ada pemikiran, emosi, tingkah laku, pendidikan, moral, ekonomi, sosial, budaya, falsafah, undang-undang, hubungan antarabangsa, politik dan kenegaraan al-Qaradawi [1984 & Mohd. Kamal Hassan (dalam Jamiah Manap, 2004)]. Manifestasi paradigma tauhid dalam keseluruhan hidup seseorang ini boleh berlaku pada pelbagai peringkat sama ada individu, keluarga, masyarakat dan negara serta dalam pelbagai bentuk hubungan iaitu manusia dengan manusia, manusia dengan alam atau manusia dengan Pencipta (Syed Muhammad Naguib al-Attas dalam Jamiah Manap, 2004).

Siddiq Fadzil (2006) menyatakan “seseorang muslim perlu membetulkan tasawur pemikirannya tentang agama agar ia dapat membetulkan seluruh aspek kehidupannya berdasarkan rasa ketaatan kepada perintah Allah SWT dan ajaran Rasulullah SWT”. Menurut beliau lagi, “penghayatan agama dalam pengertian menjadikan Islam sebagai suatu cara hidup bertitik tolak daripada pandangan sarwa atau *world view* atau tasawur seseorang iaitu cara ia melihat serta mempersepsikan segala-galanya dari perspektif Islam. Bertolak daripada *Islamic world view* ini, ia menyingkapi dan melayani segala sesuatu berdasarkan Islam. Jika ia mempersepsikan Allah SWT sebagai tuhan yang merupakan sumber segala petunjuk, maka ia komited terhadap petunjuk Allah SWT tidak mengira tempat dan keadaan dan segala pemikiran, sikap, tindakan malah segala bentuk perbuatan berdasarkan petunjuk itu. Dengan kata lain, jika Allah SWT menjadi ‘tumpuan’ dan ‘kesudahan’ dalam segala hal yang dilaluinya, maka segala amal ketaatannya kepada Allah SWT dan rasul-Nya serta khidmat kebaktiannya kepada manusia terlaksana dalam makna *ubudiyyah*”. Ringkasnya dimensi akidah yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah dimensi tauhid.

### **Dimensi Syariah**

Dimensi syariah ialah satu dimensi yang mempunyai perkaitan dengan ibadah seseorang yang bermula dengan pengakuan syahadah, menunaikan solat fardu, menunaikan puasa dalam bulan Ramadan, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji seperti yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran, yang bermaksud:

“Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, seketengahnya menjadi penolong bagi seketengah yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan, dan mereka mendirikan solat dan memberi zakat serta taat kepada Allah dan rasul-Nya. Mereka itu diberi rahmat oleh Allah, sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.

(*Surah al-Taubah* 9: 71)

Dalam konteks dimensi syariah ini, Allah SWT juga menyatakan sesiapa yang khuşyuk dalam solat, menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang sia-sia, berusaha membersihkan harta dengan menunaikan zakat harta, menjaga kehormatan diri, menjaga amanah serta memelihara waktu dan kualiti solat, mereka dijanjikan syurga oleh Allah SWT seperti firman-Nya dalam al-Quran, yang bermaksud:

“Sesungguhnya berjaya lah orang-orang yang beriman iaitu mereka yang khuşyuk dalam solatnya, dan mereka yang menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang sia-sia, dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu), dan mereka yang menjaga kehormatannya kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela, kemudian sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekalah orang yang melampaui batas dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya serta mereka yang tetap memelihara solatnya, mereka itulah orang yang berhak mewarisi - yang mewarisi syurga Firdaus, mereka kekal di dalamnya”.

(*Surah al-Mu'minun* 23: 1–11)

al-Imam al-Bukhari, hadis nombor 660, *Kitab al-Azan, Bab Man Jalasa fi al-Masajid Yantadhiru al-Salah wa Fadl al-Masajid*, meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda dengan maksudnya:

Tujuh golongan yang mendapat naungan Allah pada hari tidak ada naungan lain melainkan naungan-Nya iaitu; pemimpin yang adil, pemuda (belia) yang sentiasa hidup dalam keadaan beribadat kepada tuhan-Nya, lelaki yang hatinya sentiasa terikat dengan masjid, dua lelaki yang saling berkasih sayang kerana Allah, bersama-sama kerana-Nya dan berpisah juga kerana-Nya, lelaki yang didesak atau digoda oleh perempuan yang mempunyai kedudukan serta kecantikan lalu dia berkata:

“Sesungguhnya aku takutkan Allah!” dan lelaki yang bersedekah lalu dia menyembunyikannya sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang telah diinfak oleh tangan kanannya dan lelaki yang menyebut serta mengingat Allah secara bersendirian lalu mengalir air matanya.

(al-Iman al-Bukhari)

Al-Ghazali (1996) menyatakan “solat seumpama pakaian yang teguh melekat, sebagai amalan daripada kemuncak kemuliaan insaniah, sebagai munajat kepada Allah melalui kata-kata dan perbuatan yang berjiwa (menghayati), meneguhkan keyakinan dan membina akhlak mulia (hasil solat). Sebaliknya, solat yang dilakukan dengan pemikiran yang kosong dan jiwa yang kering (tanpa ilmu), menerusi kata-kata dan perbuatan yang tidak berjiwa, solat yang dilakukan tidak menambah dan meneguhkan keyakinan terhadap Allah, gagal membina akhlak mulia, malah ibadat demikian dikira sakit” (al-Ghazali, 1996). Dalam konteks kehidupan beragama, Hashim Yahya (dlm. Jamiah Manap, 2004) menyatakan seluruh kehidupan manusia berasaskan hukum syarak. Beliau berhujah dengan maksud hadis Rasulullah SAW yang menunjukkan bahawa asas segala urusan itu ialah Islam, dengan penghayatannya berakar kepada ibadat solat dan kemuncaknya *jihad fi sabilillah*. Ini bererti penghayatan agama ialah satu proses cara seseorang merealisasikan ajaran agama Islam bagi memperoleh kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Abdul Halim Abdul Kadir (2006) dalam temu bual bersamanya bersependapat dengan al-Qaradawi (1984) yang menyatakan penghayatan agama melibatkan penterjemahan hukum syarak yang meliputi bidang kehidupan manusia, perkara usul (utama) dan perkara furuk (cabang). Sebagai contoh, penghayatan melalui lisan seperti bacaan doa atau sekurang-kurangnya *basmalah* setiap kali memulakan sesuatu kerja, atau amalan melafazkan akad jual beli setiap kali berjual beli. Penghayatan melalui keyakinan dan kekuatan tauhid apabila reda dan mudah menerima ketentuan atau takdir Allah SWT sekalipun yang berbentuk ujian atau dugaan. Penghayatan melalui perbuatan seperti mengamalkan sunnah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW sekalipun sering dianggap remeh bagi sesetengah pihak, semata-mata untuk mencari keredaan Allah SWT sekalipun dalam urusan ke tandas. Pandangan ini selaras dengan pandangan Syed Muhammad Naguib al-Attas (dlm. Jamiah Manap, 2004) yang menyatakan penghayatan agama mesti tergambar melalui sifat dan tingkah laku yang mulia. Penghayatan ini meliputi pemahaman terhadap akhlak Islam dan bertingkah laku selaras dengan kefahaman itu. Ringkasnya, dimensi syariah berupaya membentuk peribadi muslim untuk menjadi seorang yang beragama, bertakwa dan warak di sisi Allah SWT.



### Dimensi Akhlak

Semua informan utama juga bersependapat dimensi akhlak juga merupakan dimensi penting penghayatan agama. Dimensi akhlak ialah dimensi yang mempunyai perkaitan dengan tingkah laku sama ada zahir atau batin. Al-Imam al-Bukhari, hadis nombor 13, *Kitab al-Iman, Bab Min al-Iman an Yuhibba li Akhihi ma Yuhibbu li Nafsihi*, menunjukkan Rasulullah SAW sentiasa mendidik umatnya agar mengasihi saudara sesama muslim sebagaimana ia mengasihi dirinya sendiri. Maksud sabda Rasulullah SAW tersebut:

Tidak beriman (dengan iman yang sempurna) seseorang kamu sehingga dia mengasihi saudara (seagamanya) sama seperti dia mengasihi dirinya sendiri.

(al-Imam al-Bukhari)

Dalam hal ini, Mustafa Masyhur (1988) menyatakan antara kepentingan ukhuwah bagi muslim ialah menyedarkan saudaranya yang menyeleweng dari jalan yang sebenar. Menurut Mahmud Syaltut (1966), situasi ini akan menghasilkan individu yang menghayati agama dengan tiga ciri iaitu kebaktian dalam aqidah (*al-birr fi al-'aqidah*), amal (*al-birr fi al-'amal*) dan akhlak (*al-birr fi al-khuluqi*). Semua ini menggabungkan petunjuk keimanan melalui lisan, keyakinan yang teguh dan amal ketaatan (Mohd Nakhaie Ahmad, 1998). Muhammad Nur Manuty (2006) dan Siddiq Fadzil (2006) sewaktu ditemu bual didapati mempunyai pandangan yang sama terhadap dimensi akhlak. Mereka berpendapat orang yang menghayati agama mestilah seseorang yang mempunyai keseimbangan ilmu Islamiyyat dan amal serta seorang yang seimbang antara berfikir dan bertasawuf. Kepincangan kedua-duanya akan menatijahkan kedangkalan kepada makna penghayatan agama. Abdul Rahman Ahmad al-Pattani (2005) sewaktu ditemu bual pula menyatakan “tanda-tanda orang beragama (*mutadayyin*) boleh dikesan, boleh dilihat. Pertama dari segi akidah, dia mentauhidkan Allah dan tidak terlibat dalam amalan syirik. Kedua dari segi amalan, dia menunaikan perkara fardu dan sunat serta meninggalkan perkara haram, maksiat dan makruh. Ketiga dari segi kelakuan, dia mesti berakhlak dengan akhlak yang mulia”.

Kesan daripada penghayatan agama, seseorang akan memperoleh kemanisan iman. Kemanisan iman ini hanya boleh diperoleh melalui penghayatan terhadap setiap isi kandungan ajaran agama Islam itu sendiri terutamanya hal-hal yang berkaitan mentauhidkan Allah serta tunduk dan patuh kepada perintah dan larangan Allah SWT (al-Bugha, 1998). Hasil temu bual dengan Ahmad 'Umar Hasyim (2006), Siddiq Fadzil (2006), Muhammad Nur Manuty (2006), Abdul Halim Abdul Kadir (2006), Zakaria Stapa (2006) dan Abdul Rahman Ahmad al-Pattani (2005) dapat dirumuskan bahawa

penghayatan agama ialah satu proses intervensi yang amat penting dalam pembinaan personaliti muslim. Melalui penghayatan agama, seseorang muslim berupaya mempraktikkan segala perintah dan larangan Allah SWT secara menyeluruh, malah akan melaksanakan hukum syariah hingga ke matlamatnya (al-Qaradawi, 1984).

Pandangan ini didapati mempunyai persamaan dengan pandangan Mahmud Syaltut (1966) yang menyatakan hati nurani yang menghayati agama (*al-damir al-dini*) akan menghasilkan manusia yang tidak akan membantah perintah-Nya, menipu, khianat, mengabaikan kebenaran dan meninggalkan kewajipan, yang akan menjamin keselamatan dan keamanan keseluruhan hidupnya. Sebaliknya, fungsi penghayatan agama yang gagal difahami menyebabkan manusia hanyut dibawa keadaan dengan anggapan bahawa agama mesti menyesuaikan diri dengan masa, sedangkan hakikatnya Islam berfungsi memimpin, mencorak dan membentuk sesuatu keadaan. Kefahaman yang jelas tentang penghayatan agama akan memandu tingkah laku manusia selaras dengan kehendak-kehendak syarak (al-Qaradawi, 1984).

Menurut Ahmad 'Umar Hasyim (2006), Siddiq Fadzil (2006), Muhammad Nur Manuty (2006), Abdul Halim Abdul Kadir (2006), Zakaria Stapa (2006) dan Abdul Rahman Ahmad al-Pattani (2005), penghayatan agama ialah prasyarat atau asas yang paling penting dalam kelangsungan kehidupan muslim yang mempunyai aspirasi mencari keredaan Allah (*mardatillah*), kesihatan zahir dan batin, penyucian jiwa (*tazkiyyat al-nafs*), menjadi mukmin sebenar (*al-mu'minuna haqqa*), orang-orang yang bertaqwa (*al-muttaqun*), golongan kanan (*ahl al-yamin*), berkebajikan (*al-abrar*), sentiasa berbuat elok atau memperelokkan sesuatu (*al-muhsinun*), memberi kekuatan kepada manusia untuk terus melakukan kebaikan dan mengubah jiwa seseorang hingga mengalami perubahan sikap dan mendapat kemuliaan hidup di dunia bagi kehidupan individu atau masyarakat dan memperoleh kemenangan serta kebahagiaan abadi (*al-sa'adah al-abadiyyah*). Siddiq Fadzil (2006) menyatakan kebahagiaan abadi yang dimaksudkan di sini ialah kebahagiaan ukhrawi secara fizikal dengan ganjaran syurga Allah SWT dan kebahagiaan ukhrawi secara spiritual dengan ganjaran reda-Nya seperti yang difirmankan Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud:

“Allah menjanjikan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya dan beroleh tempat-tempat yang baik di dalam syurga 'Adn serta keredaan daripada Allah yang lebih besar, yang demikian itulah kejayaan yang besar”.

(*Surah al-Taubah 9: 72*)

### Penutup

Penghayatan agama ialah asas yang paling penting dalam proses untuk membina personaliti muslim. Penghayatan agama mempunyai tiga dimensi utama iaitu dimensi akidah, dimensi syariah dan dimensi akhlak. Ketiga-tiga dimensi penghayatan agama ini dilihat berupaya membentuk personaliti muslim untuk menjadi seorang muslim yang *istiqamah* dalam amal salih bagi memperoleh keredaan Allah SWT, menjadi mukmin, menjadi orang yang bertakwa, suka melakukan kebajikan dan meninggalkan kemungkaran serta mendapat kemuliaan hidup di dunia dan akhirat. Sebagai kesimpulannya, tahap penghayatan agama ialah satu konsep yang sukar diukur. Penyelidik dalam bidang pengajian Islam perlulah membiasakan diri dengan skala pengukuran ini apabila melakukan penyelidikan. Melalui skala seperti ini tahap penghayatan agama warga tua dapat dikesan. Penyelidik bertanggungjawab untuk membentuk skala pengukuran tahap penghayatan yang komprehensif dan mengenal pasti faktor-faktor di sebalik tahap penghayatan agama warga tua ini dalam kajian-kajian yang dilakukan.

### Rujukan

- Abdul Halim Abdul Kadir. (2006, April 24). *Konsep penghayatan agama menurut Islam*. Temu bual.
- Abdul Rahman Ahmad al-Pattani. (2005, Oktober 12). *Konsep penghayatan agama menurut Islam*. Temubual
- Ahmad 'Umar Hasyim. (2006, Mei 17). *Konsep penghayatan agama menurut Islam*. Temubual.
- Ahmad F. Yousif. (2004). Islamic revivalism in Malaysia: An Islamic response to non-Muslim concerns. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 21(4).
- Ainlay, S. C., & Smith, R. (1984). Aging and religious participation. *Journal of Gerontology*, 39, 357–363
- al-Ba'albaki, Munir. (1982). *al-Mawrid*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- al-Banna, Hassan. (1987). *Konsep pembaharuan masyarakat Islam*. Suaidi Saad (Terj.), Cetakan Pertama. Jakarta Pusat: Penerbit Media Da'wah.
- al-Banna, Hassan. (1992). *Majmu'ah rasa'il al-imam al-Syahid Hassan al-Banna*. Kaherah: Dar al-Tibaah wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- al-Bugha, Mustafa Dib. (1998). *Nizam al-Islam fi al-aqidah wa al-akhlaq wa al-tasri'*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Ghazali, Muhammad. (1991). *Turathuna al-fikri fi mizan al-syari wa al-'Aqli*. Herndon, VA, USA: al-Ma'had al-'Alamiy li al-Fikr al-Islamiy (IIIT).
- al-Qaradawi, Yusuf. (1984). *Ke arah pelaksanaan syariah Islamiyyah*. Abdul Rahman Ahmad Jerlun (Terj.), Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

- Bahr, H. (1970). Aging and religious disaffiliation. *Social Forces*, 49, 59-71
- Chandra Muzaffar. (1988). *Kebangkitan semula Islam di Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Djamaludin Ancok & Fuat Nashori Suroso. (2005). *Psikologi Islami*. Cetakan Keenam. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Glock, C. Y. (1962). On the study of religious commitment. *Religious Education*, 57 (Research Supplement): S98–S110.
- Hooyman, N. R., & Kiyak, H. A. (1988). *Social gerontology: A multidisciplinary perspective*. Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Ibrahim Lubis, H. (1982). *Agama Islam: Suatu pengantar*. Jakarta Timur: Ghalia Indonesia.
- Jamiah Manap. (2004). *Metodologi pembentukan inventori religiositi dan personaliti Muslim: Kesahan dan kebolehpercayaan* (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.
- Lane, E. W. (1963). *Arabic-English lexicon*. London: Williams and Norgate.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid. (2006). *Penghayatan agama sebagai paksi Melayu global*. Kertas Kerja Konvensyen Melayu Global. Kuala Terengganu: Terengganu Development Institute.
- Mahmud Syaltut. (1966). *Min tawjih al-Islam*. Kaherah: Dar al-Qalam.
- Mindel, C. H., & Vaughan, C. E. (1978). A multidimensional approach to religiosity and disengagement. *Journal of Gerontology*, 33, 103–108
- Mohamad Abu Bakar. (2005). Islam sebagai budaya dan peradaban: Ke mana? di mana? *Jurnal Pemikir*, (39&40), 271–282.
- Mohd Nakhaie Ahmad. (1998). *Di bawah naungan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Muamalat Islam Malaysia.
- Muhammad Nur Manuty. (2006, April 24). *Konsep penghayatan agama menurut Islam*. Temubual.
- Mustafa Masyhur. (1995). *Min fiqh al-da'wah: tariq al-dawah*. Juzu' 1. Kaherah: Dar al-Tawzi wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Nor Salimah Abu Mansor (dlm. proses penyerahan). *Tahap penghayatan agama golongan orang kurang upaya di Terengganu* (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ohrbach, H. (1961). Aging and religion: Church attendance in the Detroit metropolitan area. *Geriatrics*, 16, 530–540.
- Qutb, Sayyid. (1983). *Al-mustaqbal li hadha al-din*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Rauf, M. A. (1987). *Ikhtisar sejarah Islam dan hubungannya yang khusus dengan Semenanjung Malaysia*. Rustam A. Sani (Terj.), Edisi Kedua. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Schaie, K. W., & Willis, S. L. (1986). *Adult development and aging*. Boston: Little, Brown.
- Siddiq Fadzil. (2006, Mei 11). *Konsep penghayatan agama menurut Islam*. Temubual.
- Syed Muhammad Naguib al-Attas. (1984). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail. (2010). Tahap penghayatan agama warga tua: Pengukuran dan persoalan metodologi. *Jurnal al-Hikmah*, Jilid 2, 161–179.
- Wan Salim Wan Muhamad Nor. (1989). *Penghayatan al-Quran di Malaysia*. Kertas Kerja Seminar Pengajian al-Quran Peringkat Kebangsaan. Bangi: Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- William, D. R. (1994). The measurement of religion in epidemiologic studies: Problems and prospects. Dlm. J. S. Levin (Pnyt.), *Religions and aging in health*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Zainab al-Ghazali. (1989). *Ke arah kebangkitan baru*. Mohd. Yusuf Haji Ismail (Terj.), Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Zainab Ismail. (1990). *Sejarah sistem pendidikan di Malaysia: Suatu analisa menurut perspektif Islam* (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria Stapa. (2005, Mac 9). *Konsep penghayatan agama menurut Islam*. Temubual.

Zainab Ismail  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43650 Bangi, Selangor, MALAYSIA  
zainab@ukm.my

Wan Ibrahim Wan Ahmad  
UUM College of Arts and Sciences  
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial  
Universiti Utara Malaysia,  
06010 Sintok, Kedah, MALAYSIA  
wiwa@uum.edu.my

Nor Salimah Abu Mansor  
Fakulti Islam Kontemporari,  
Universiti Darul Iman  
Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA  
norsalimah@udm.edu.my